

Surat Penyampaian



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

YANG AMAT BERHORMAT

TUAN LIM GUAN ENG

KETUA MENTERI

PULAU PINANG.

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972), saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 yang telah diaudit untuk dibentangkan di Mesyuarat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Dengan hormatnya dikemukakan,

Dato' Haji Mokhtar bin Mohd Jait

Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pegawai Pengawal dan kakitangan di Jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang di atas sumbangan dan kerjasama yang dihulurkan kepada Jabatan Kewangan Negeri dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan anggota Jabatan Kewangan Negeri khasnya di atas dedikasi dan komitmen dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tersebut. Perancangan yang rapi dan tersusun juga telah membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 disediakan dengan sempurna untuk diaudit serta dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dalam sesi Bajet 2016.

Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait

Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2014

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang disediakan setiap tahun oleh Jabatan Kewangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972). Penyata Kewangan Kerajaan Negeri diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melaporkan semua urusniaga kewangan sesuatu tahun kewangan. Ia mengakaun semua terimaan dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kedudukan Kewangan disokong oleh Penyata Aset dan Penyata Kumpulanwang Disatukan, manakala Penyata Akaun Memorandum disokong oleh Penyata Memorandum Aset dan Liabiliti.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2014; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

A handwritten signature in blue ink, appearing to read "Ambrin".


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

28 April 2015



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2014

Kandungan	Muka Surat
LAPORAN BENDAHARI NEGERI	
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	
Penyata Kedudukan Kewangan	
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	
Penyata Prestasi Kewangan	
Penyata Akaun Memorandum	
Nota kepada Penyata Kewangan	
Lampiran	
A. Penyata Perbelanjaan Mengurus	
B. Penyata Perbelanjaan Pembangunan	
C. Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	
D. Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

1. PENDAHULUAN


Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang ini disediakan setiap tahun mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (disemak 1972). Pada tahun ini Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang telah disedia dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 09 Januari 2015. Penyata Kewangan ini melaporkan semua urusniaga perakaunan kecuali maklumat Aset dan Liabiliti bagi tahun 2014 di dalam Kumpulanwang Disatukan Kerajaan Negeri. Kumpulanwang ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Maklumat Aset dan Liabiliti dilaporkan hanya sebagai item di bawah Penyata Akaun Memorandum.

Kedudukan baki akaun Kumpulanwang Disatukan Negeri untuk tahun 2014 berjumlah RM1,456.03 juta meningkat sebanyak RM163.93 juta daripada tahun 2013. Peningkatan ini adalah hasil daripada peningkatan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM54.17 juta dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM109.76 juta berbanding tahun 2013. Jadual 1 menunjukkan perbezaan antara tahun 2013 dan 2014 bagi akaun-akaun dalam Kumpulanwang Disatukan. Carta 1 pula menunjukkan peningkatan kedudukan Kumpulanwang Disatukan bagi tahun 2010 – 2014.

JADUAL 1
PERBANDINGAN KEDUDUKAN AKAUN-AKAUN
KUMPULANWANG DISATUKAN NEGERI
BAGI TAHUN 2013 DAN 2014

	2014	2013	+/-
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
AKAUN HASIL DISATUKAN	880.75	826.58	54.17
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0	0	0
AKAUN AMANAH DISATUKAN	575.28	465.52	109.76
KUMPULANWANG DISATUKAN	1,456.03	1,292.10	163.93

**CARTA 1: KEDUDUKAN KUMPULANWANG DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2010 – 2014**



2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah Wang Awam berupa Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulanwang Disatukan Kerajaan Negeri, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

2.1 WANG AWAM

2.1.1 Wang Tunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Baki Wang Tunai sebanyak RM7.32 juta adalah mencakupi Wang Tunai Dalam Bank

sejumlah RM6.77 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan sebanyak RM0.22 juta dan Wang Tunai Dalam Tangan sejumlah RM0.33 juta.

Baki Wang Tunai di akhir tahun 2014 menurun sebanyak RM1.43 juta berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM8.75 juta. Jumlah Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan penurunan sebanyak RM 0.2 juta berbanding RM0.42 juta pada tahun 2013, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2.

JADUAL 2
KEDUDUKAN WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2013 DAN 2014

	2014	2013	+/(-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
WANG TUNAI DALAM BANK	6.77	8.01	(1.24)
WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	0.22	0.42	(0.20)
WANG TUNAI DALAM TANGAN	0.33	0.32	0.01
JUMLAH WANG TUNAI	7.32	8.75	(1.43)

2.1.1 Pelaburan

Amaun Pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulanwang Disatukan pada 31 Disember 2014 berjumlah RM1,448.70 juta. Amaun ini terdiri daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM1,414.50 juta, pelaburan ekuiti sebanyak RM31.45 juta dan pelaburan Kumpulanwang Amanah berjumlah RM2.75 juta. Deposit Dalam Negeri meningkat sebanyak RM163.00 juta berbanding sebanyak RM1,251.50 juta tahun 2013. Semua Deposit Dalam Negeri adalah simpanan tetap yang melebihi tempoh 3 bulan yang dikategorikan sebagai pelaburan (*Para 1.2.3 Cash Basis IPSAS*). Pelaburan Ekuiti tidak berubah berbanding tahun 2013. Pelaburan Kumpulanwang Amanah dalam bentuk simpanan tetap sebanyak RM2.75 juta meningkat sebanyak RM2.35 juta berbanding tahun 2013

sebanyak RM0.40 juta. Kumpulanwang Amanah yang terlibat adalah dari Kumpulanwang Amanah Bantuan TYT YDP Negeri Pulau Pinang.


2.2 KUMPULAN WANG DISATUKAN

2.2.1 AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan tahun 2014 dengan lebihan berjumlah RM54.17 juta. Lebihan ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM799.71 juta berbanding perbelanjaan mengurus sejumlah RM745.54 juta. Lebihan ini menjadikan jumlah baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat daripada RM826.58 juta dalam tahun berakhir 2013 menjadi RM880.75 juta bagi tahun berakhir 2014.

Carta 2 menunjukkan kedudukan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan dari tahun 2010 sehingga tahun 2014.


**CARTA 2: KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2010 – 2014**



2.2.1.1 Prestasi Hasil Negeri

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Carta 3 menunjukkan peratusan agihan komponen-komponen hasil bagi tahun 2014. Pada tahun 2014 terdapat pengurangan hasil sebanyak RM34.00 juta berbanding tahun 2013. Prestasi hasil negeri bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di Jadual 3.

**CARTA 3: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN HASIL KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2014**



**JADUAL 3
PRESTASI HASIL KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN HASIL
BAGI TAHUN 2010 - 2014**

KOMPONEN	TAHUN				
	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)
HASIL CUKAI	116.29	118.17	116.64	120.17	129.50
HASIL BUKAN CUKAI	197.92	212.11	416.43	511.71	534.48
TERIMAAN BUKAN HASIL	96.49	272.61	121.48	201.83	135.73
JUMLAH	410.7	602.89	654.55	833.71	799.71

a. Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2014 meningkat sebanyak RM9.32 juta berbanding tahun 2013. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung iaitu Cukai Tanah. Pada tahun 2014 Hasil Cukai Tanah yang dikutip adalah sebanyak RM116.00 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM8.35 juta dari tahun 2013.

b. Hasil Bukan Cukai

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2014 meningkat sejumlah RM22.77 juta berbanding tahun 2013. Hasil Bukan Cukai terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan Dari Jualan Barang-barang, Sewaan, Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan serta Denda Dan Hukuman. Hasil paling tinggi yang dikutip bagi kategori ini adalah bagi Perolehan Dari Jualan Barang-barang iaitu sebanyak RM362.99 juta. Walau bagaimanapun hasil di bawah kategori ini menurun sebanyak RM3.19 juta berbanding tahun 2013.

c. Terimaan Bukan Hasil


Terimaan Bukan Hasil terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan dan Terimaan Dari Agensi Kerajaan. Terimaan dibawah kategori ini bagi tahun 2014 berjumlah RM135.73 juta menunjukkan penurunan sejumlah RM66.10 juta berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM201.83 juta.

2.2.1.2 Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2014 berjumlah RM745.54 juta. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan sejumlah RM12.52 juta dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM733.02 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Emolumen sebanyak RM142.28 juta, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM113.39 juta, Perolehan Aset sebanyak RM6.71 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM481.14 juta serta Perbelanjaan Lain sebanyak RM2.02 juta. Carta 4 menunjukkan Peratusan Komponen Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2014.

Prestasi Perbelanjaan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di Jadual 4.

CARTA 4: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014



JADUAL 4
PRESTASI PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2010 - 2014

KOMPONEN	TAHUN				
	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)
EMOLUMEN	109.03	112.65	124.65	134.74	142.28
PERKHIDMATAN & BEKALAN	72.07	86.88	98.38	109.12	113.39
ASET	1.89	3.13	3.14	6.77	6.71
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	188.29	260.54	311.45	578.17	481.14
PERBELANJAAN LAIN	5.88	1.38	2.46	3.61	2.02
JUMLAH	377.16	464.58	540.08	832.41	745.54

a. Emolumen

Perbelanjaan untuk Maksud Emolumen adalah berjumlah RM142.28 juta pada tahun 2014. Jumlah ini meningkat sebanyak RM7.54 juta berbanding tahun 2013. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh pengisian jawatan-jawatan kosong dan juga kenaikan gaji tahunan.

b. Perkhidmatan dan Bekalan

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan perkhidmatan yang dibeli, penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak RM4.27 juta berbanding perbelanjaan tahun 2013.

c. Aset

Jumlah perbelanjaan Aset bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM6.71 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM0.06 juta berbanding tahun 2013. Peratusan perbelanjaan di bawah komponen ini adalah rendah

disebabkan penyemakan semula cadangan perolehan aset berasaskan kepada keperluan sebenar Jabatan, penentuan kadar harga yang tepat disamping pendekatan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri.

d. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM481.14 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM97.03 juta berbanding tahun 2013. Perbelanjaan bagi komponen ini adalah merupakan peratusan yang paling besar berbanding komponen perbelanjaan yang lain. Antara perbelanjaan di bawah komponen ini adalah penyaluran bantuan kepada rakyat melalui program-program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan juga pemindahan dana ke Kumpulanwang Pembangunan bagi tujuan projek-projek pembangunan kerajaan.

e. Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain

Jumlah Perbelanjaan Lain bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM2.02 juta iaitu menurun RM1.59 juta berbanding tahun 2013.

2.2.2 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

2.2.2.1 Pinjaman Dalam Negeri

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman dan pindahan pinjaman ke Kumpulanwang Pembangunan. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2014 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2013. Baki pada akhir tahun menunjukkan amuan sifar disebabkan pinjaman tersebut telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan. Jumlah terimaan pinjaman yang telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan dalam tahun 2014 adalah sebanyak RM13.00 juta, meningkat sebanyak RM9.84 juta berbanding tahun 2013. Jadual 5 menunjukkan prestasi akaun pinjaman disatukan dari tahun 2010 hingga 2014.

JADUAL 5
PRESTASI AKAUN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2010 - 2014


PERIHAL	TAHUN				
	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)
BAKI PADA 1 JANUARI	0	0	0	0	0
TERIMAAN PINJAMAN	5.79	6.59	14.69	3.16	13.00
PINDAHAN KE KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	5.79	6.59	14.69	3.16	13.00
JUMLAH	0	0	0	0	0

2.2.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Pembangunan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Baki Kumpulanwang ini pada 31 Disember 2014 berjumlah RM575.28 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM109.75 juta berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM465.52 juta. Carta 5 menunjukkan kedudukan Akaun Amanah Disatukan dari tahun 2010 hingga 2014, manakala jadual 6 pula menunjukkan prestasi

komponen Akaun Amanah Disatukan Kerajaan Negeri bagi tempoh yang sama.

**CARTA 5: KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2010 – 2014**



**JADUAL 6
PRESTASI KOMPONEN AKAUN AMANAH DISATUKAN KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2010 - 2014**

PERIHAL	TAHUN				
	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)	2013 (RM JUTA)	2014 (RM JUTA)
KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	80.42	99.86	45.67	85.80	54.06
PELBAGAI KUMPULANWANG AMANAH KERAJAAN	115.91	129.49	118.03	152.17	146.38
KUMPULANWANG AMANAH AWAM	75.20	116.90	112.87	145.61	271.07
AKAUN WANG DEPOSIT	287.14	76.68	90.40	81.95	103.76
JUMLAH	558.68	422.94	366.97	465.53	575.28

2.2.3.1 Kumpulanwang Pembangunan

Penerimaan bagi Kumpulanwang Pembangunan terdiri daripada Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak RM13.00 juta, Terimaan Lain-lain Hasil RM3.00 juta, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi RM13.52 juta, Sewa Beli Daripada

Perumahan Murah RM2.51 juta, Jualan Rumah Kos Rendah RM0.66 juta, Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan RM120.00 juta, Terimaan Balik Pinjaman Daripada PDC RM0.64 juta, Terimaan Balik Pinjaman Daripada MPSP RM3.88 juta dan Pajakan PBA RM3.41 juta. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM192.35 juta.

2.2.3.2 Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Kumpulanwang ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang diwujudkan dari peruntukan Kerajaan Negeri. Antara akaun-akaun amanah berkenaan adalah Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Pelbagai Akaun Penyelesaian, Akaun Amanah Tabung TYT, Kumpulanwang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Pelbagai Kumpulanwang. Secara keseluruhannya jumlah baki Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini menurun sebanyak RM5.79 juta berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM152.17 juta.

2.2.3.3 Kumpulanwang Amanah Awam

Kumpulanwang Amanah Awam ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Baki Kumpulanwang ini pada tahun berakhir 2014 ialah sebanyak RM271.07 juta meningkat sejumlah RM125.46 juta berbanding baki bagi tahun 2013.

2.2.3.4 Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai

maksudnya. Sehingga akhir tahun 2014 keseluruhannya berjumlah RM103.76 juta.

3. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan di dalam Penyata Kewangan.

3.1. Aset

Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, Hasil Belum Terima dan Bayaran Air Mentah.

3.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd. Sehingga tahun 2014, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah sebanyak RM139.39 juta terdiri daripada pinjaman kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebanyak RM2.61 juta, Majlis Perbandaran Seberang Perai sebanyak RM68.41 juta, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak RM5.19 juta, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. sebanyak RM30.00 juta dan Jelutong Development Sdn. Bhd. sebanyak RM33.18 juta.

3.1.2. Pelaburan

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Akaun Memorandum menunjukkan pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurus dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan pelaburan-pelaburan ekuiti dalam PBA Holdings Bhd, Maxis dan Astro. Jumlah nilai pelaburan sehingga akhir tahun 2014 ialah RM237.33 juta. Pengurus Dana memegang sebanyak

RM36.21 juta, Maxis Bhd RM25.25 juta, Astro Bhd RM3.03 juta dan PBA Holdings Bhd sebanyak RM 172.83 juta

3.1.3 Hasil Belum Terima

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2014, Hasil Belum Terima Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM79.61 juta. Jumlah ini berkurang sebanyak RM2.79 juta berbanding tahun 2013 iaitu RM82.40 juta. Sebahagian besar hasil yang belum terima ini adalah terdiri dari Cukai Tanah yang belum diterima iaitu sebanyak RM58.31 juta. Jumlah ini berkurang berbanding sebanyak RM61.45 juta pada tahun 2013.

3.1.4. Bayaran Fi Air Mentah

Baki Bayaran Fi Air Mentah bagi tahun berakhir 2014 adalah sejumlah RM10.80 juta. Jumlah bertambah berbanding RM7.67 juta bagi tahun berakhir 2013.

3.2. LIABILITI

3.2.1. Hutang Awam Kerajaan Negeri

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun berakhir 31 Disember 2014 berjumlah RM61.52 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM11.02 juta berbanding tahun 2013 berjumlah RM50.50 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan terdapat pinjaman baru yang diterima pada tahun 2014, khusus untuk projek '*Non Revenue Water*' (NRW) kepada Perbadanan Bekalan Air (PBA).

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2014.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2014.


DATO' HAJI MOKHTAR BIN MOHD JAIT
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang
09 Januari 2015


KALTHOM BINTI SALIM
Bendahari Negeri Pulau Pinang
09 Januari 2015

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2014.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2014.

DATO' HAJI MOKHTAR BIN MOHD JAIT
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang
Januari 2015

KALTHOM BINTI SALIM
Bendahari Negeri Pulau Pinang
Januari 2015

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2014

	<i>Nota</i>	<u>2014</u>	<u>2013</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	7,327,354.77	8,753,583.84
PELABURAN	4	1,448,700,000.00	1,283,350,000.00
		<hr/>	<hr/>
		1,456,027,354.77	1,292,103,583.84
		<hr/>	<hr/>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	880,749,971.08	826,579,027.29
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	575,277,383.69	465,524,556.55
		<hr/>	<hr/>
		1,456,027,354.77	1,292,103,583.84
		<hr/>	<hr/>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

	<u>Nota</u>	<u>2014</u>	<u>2013</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
TERIMAAN			
Hasil	5		
Hasil Cukai		129,494,063.15	120,171,085.45
Hasil Bukan Cukai		534,484,792.00	511,708,001.61
Terimaan Bukan Hasil		<u>135,733,857.05</u>	<u>201,834,873.33</u>
		799,712,712.20	833,713,960.39
Pinjaman	6		
Dalam Negeri		13,000,000.00	3,160,642.00
		<u>13,000,000.00</u>	<u>3,160,642.00</u>
Terimaan Modal	7		
Pelbagai Terimaan Modal		40,607,659.36	51,986,252.76
Jualan Instrumen Kewangan		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		40,607,659.36	51,986,252.76
Terimaan Lain	7		
Terimaan Amanah		141,490,714.31	58,428,047.72
		<u>141,490,714.31</u>	<u>58,428,047.72</u>
Jumlah Terimaan		<u>994,811,085.87</u>	<u>947,288,902.87</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

	<u>Nota</u>	<u>2014</u>	<u>RM</u>	<u>2013</u>	<u>RM</u>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		142,279,032.03		134,744,458.46	
Perkhidmatan dan Bekalan		113,394,311.54		109,118,229.51	
Aset		6,706,601.75		6,772,432.77	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		359,167,037.36		376,032,614.86	
Perbelanjaan Lain		<u>2,020,209.69</u>		<u>3,613,950.93</u>	
		623,567,192.37			630,281,686.53
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		182,345,536.53		211,858,090.36	
Pinjaman		<u>10,000,010.00</u>	192,345,546.53		211,858,090.36
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>165,350,000.00</u>	165,350,000.00	<u>98,900,000.00</u>	98,900,000.00
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		1,974,576.04		2,138,630.81	
Kepada Agensi		<u>13,000,000.00</u>	14,974,576.04	<u>3,160,642.00</u>	5,299,272.81
Bayaran Lain					
Akaun Amanah	7	<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	-
Jumlah Bayaran			<u>996,237,314.94</u>		<u>946,339,049.70</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			(1,426,229.07)		949,853.17
Wang Tunai Pada 1 Januari			8,753,583.84		7,803,730.67
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>7,327,354.77</u>		<u>8,753,583.84</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

		<u>2014</u>	<u>2013</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	587,753,720.00	799,712,712.20
<i>Tolak:</i> Belanja Mengurus	5	843,195,379.00	625,541,768.41
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(255,441,659.00)	174,170,943.79
<i>Tolak:</i> Belanja Pembangunan	7	238,995,320.00	192,345,546.53
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(494,436,979.00)	(18,174,602.74)
DIBIAYAI OLEH:			
Pinjaman	6	13,000,000.00	3,160,642.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7	27,607,659.36	48,825,610.76
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah		(22,433,056.62)	(41,421,805.45)
JUMLAH PEMBIAYAAN		18,174,602.74	10,564,447.31

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2014

	<u>Nota</u>	<u>2014</u>	<u>2013</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
MEMORANDUM ASET		8	
Pinjaman Boleh Dituntut		139,385,748.03	122,200,078.40
Pelaburan		237,329,967.90	239,071,802.16
MEMORANDUM LIABILITI		9	
Hutang Awam		61,521,501.48	50,496,077.52

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

DASAR DAN KAEADAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahaui seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2014 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2014</i> <i>RM</i>	<i>2013</i> <i>RM</i>
Wang Tunai Dalam Bank	6,773,717.88	8,014,091.94
Wang Tunai Dalam Perjalanan	219,236.89	416,000.08
Wang Tunai Dalam Tangan	334,400.00	323,491.82
JUMLAH WANG TUNAI	7,327,354.77	8,753,583.84

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2014</i> <i>Nilai Buku</i>		<i>2013</i> <i>Nilai Buku</i>	
	<i>Pelaburan</i> <i>Kumpulan Wang</i> <i>Amanah</i>	<i>Pelaburan Am</i>	<i>Pelaburan</i> <i>Kumpulan Wang</i> <i>Amanah</i>	<i>Pelaburan Am</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Saham	0.00	31,450,000.00	0.00	31,450,000.00
Deposit Dalam Negeri	2,750,000.00	1,414,500,000.00	400,000.00	1,251,500,000.00
<i>Jumlah</i>	<i>2,750,000.00</i>	<i>1,445,950,000.00</i>	<i>400,000.00</i>	<i>1,282,950,000.00</i>
JUMLAH PELABURAN	1,448,700,000.00		1,283,350,000.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	2014		2013	
	Anggaran	Sebenar	Sebenar	Sebenar
	RM	RM	% Anggaran	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		826,579,027		825,285,384
HASIL				
Hasil Cukai	134,209,900.00	129,494,063.15	96.49	120,171,085.45
Hasil Bukan Cukai	367,502,260.00	534,484,792.00	145.44	511,708,001.61
Terimaan Bukan Hasil	86,041,560.00	135,733,857.05	157.75	201,834,873.33
<i>Jumlah Hasil</i>	587,753,720.00	799,712,712.20	136.06	833,713,960.39
PERBELANJAAN MENGURUS				
Emolumen	152,286,375.00	142,279,032.03	93.43	134,744,458.46
Perkhidmatan dan Bekalan	123,545,300.00	113,394,311.54	91.78	109,118,229.51
Aset	7,568,800.00	6,706,601.75	88.61	6,772,432.77
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	433,743,244.00	361,141,613.40	83.26	378,171,245.67
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	6,051,660.00	2,020,209.69	33.38	3,613,950.93
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	723,195,379.00	625,541,768.41	86.50	632,420,317.34
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	120,000,000.00	120,000,000.00		200,000,000.00
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	843,195,379.00	745,541,768.41	88.42	832,420,317.34
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		54,170,943.79		1,293,643.05
BAKI PADA 31 DISEMBER		880,749,971.08		826,579,027.29

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	2014		2013	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	Sebenar
	RM	RM	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI				
Cukai Tanah	124,184,800.00	124,184,800.00	116,000,401.78	93.41
Cukai Parit Dan Talair	868,600.00	868,600.00	650,944.52	74.94
Cukai Langsung Yang Lain	156,500.00	156,500.00	90,180.00	57.62
Cukai Hiburan	9,000,000.00	9,000,000.00	12,752,536.85	141.69
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	134,209,900.00	134,209,900.00	129,494,063.15	96.49
				120,171,085.45
				89.20 (disambung)

(sambungan)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Perihal	2014			2013		
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	Sebenar	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM	RM	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	10,267,150.00	10,267,150.00	9,892,231.24	96.35	12,009,145.38	127.64
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	49,487,900.00	49,487,900.00	95,873,700.70	193.73	69,599,442.56	156.77
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	249,011,550.00	249,011,550.00	362,986,758.39	145.77	366,175,125.92	803.99
Sewaan	4,978,160.00	4,978,160.00	6,392,295.47	128.41	5,033,385.22	98.08
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	47,747,000.00	47,747,000.00	53,652,778.21	112.37	53,983,424.26	119.44
Denda dan Hukuman	6,010,500.00	6,010,500.00	5,687,027.99	94.62	4,907,478.27	58.96
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	<i>367,502,260.00</i>	<i>367,502,260.00</i>	<i>534,484,792.00</i>	<i>145.44</i>	<i>511,708,001.61</i>	<i>323.86</i>
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,041,560.00	1,041,560.00	12,079,123.56	1,159.71	6,162,444.25	20.51
Terimaan daripada Agensi-agensi	85,000,000.00	85,000,000.00	123,654,733.49	145.48	195,672,429.08	50.72
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	<i>86,041,560.00</i>	<i>86,041,560.00</i>	<i>135,733,857.05</i>	<i>157.75</i>	<i>201,834,873.33</i>	<i>48.54</i>
JUMLAH HASIL	587,753,720.00	587,753,720.00	799,712,712.20	136.06	833,713,960.39	117.67

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2014			% Anggaran
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja	2,564,580.00	2,564,580.00	2,456,271.28	95.78
T. 02 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	231,600.00	231,600.00	120,497.34	52.03
T. 03 Jabatan Kewangan Negeri	27,145,210.00	27,145,210.00	9,942,471.57	36.63
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	<i>29,941,390.00</i>	<i>29,941,390.00</i>	<i>12,519,240.19</i>	<i>41.81</i>
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 01 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	135,514,870.00	135,514,870.00	123,891,267.62	91.42
B. 02 Pejabat Tanah Dan Galian	8,805,899.00	8,805,899.00	7,995,922.76	90.80
B. 03 Pejabat Daerah Dan Tanah, Daerah Timur Laut	6,924,606.00	6,924,606.00	5,987,162.50	86.46
B. 04 Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya	6,388,960.00	6,388,960.00	5,694,260.39	89.13
B. 05 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara	7,441,570.00	7,441,570.00	7,195,607.70	96.69
B. 06 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	6,994,080.00	6,994,080.00	6,623,984.21	94.71
B. 07 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	5,457,560.00	5,457,560.00	5,223,191.26	95.71
B. 08 Jabatan Pengairan Dan Saliran	33,054,500.00	33,054,500.00	31,917,789.97	96.56
B. 09 Jabatan Perhutanan	3,556,610.00	3,556,610.00	3,209,549.52	90.24

(disambung)

(sambungan)

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2014			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 10 Jabatan Taman Botani	4,836,500.00	4,836,500.00	4,210,500.87	87.06
B. 12 Jabatan Kerja Raya	34,049,460.00	34,049,460.00	31,378,450.95	92.16
B. 13 Jabatan Hal Ehwal Agama	16,605,984.00	16,605,984.00	15,921,548.43	95.88
B. 14 Jabatan Kebajikan Masyarakat	9,759,630.00	9,759,630.00	9,422,196.35	96.54
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	4,214,420.00	4,214,420.00	3,532,727.26	83.82
B. 16 Jabatan Kewangan Negeri	507,150,280.00	507,150,280.00	330,334,633.68	65.14
B. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5,807,910.00	5,807,910.00	4,881,963.08	84.06
B. 18 Jabatan Pertanian	8,147,290.00	8,147,290.00	7,370,528.26	90.47
B. 19 Jabatan Mufti	2,490,530.00	2,490,530.00	2,316,987.26	93.03
B. 20 Jabatan Kehakiman Syariah	6,053,330.00	6,053,330.00	5,914,256.15	97.70
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	813,253,989.00	813,253,989.00	613,022,528.22	75.38
PERBELANJAAN MENGURUS	843,195,379.00	843,195,379.00	625,541,768.41	74.19
PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			120,000,000.00	
